

MUCOPROM SYRUP

Carbocisteine/Promethazine hydrochloride (100mg/2.5mg per 5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Mucoprom Syrup
2. Bagaimana Mucoprom Syrup berfungsi
3. Sebelum menggunakan Mucoprom Syrup
4. Cara menggunakan Mucoprom Syrup
5. Semasa menggunakan Mucoprom Syrup
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Mucoprom Syrup
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Mucoprom Syrup

Mucoprom Syrup digunakan untuk melegakan batuk tanpa kahak terutamanya yang berlaku pada waktu malam.

Bagaimana Mucoprom Syrup berfungsi

Carbocisteine merupakan agen mukolitik yang membantu mencairkan kahak di dalam saluran pernafasan.

Promethazine Hydrochloride adalah sejenis antihistamina yang berfungsi menghalang tindakan histamina untuk mengurangkan tanda-tanda tindak balas alergi.

Sebelum menggunakan Mucoprom Syrup

Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Mucoprom Syrup jika anda alah (hipersensitif) terhadap bahan-bahan yang terkandung dalam ubat ini.

Tidak boleh digunakan pada kanak-kanak berumur 2 tahun ke bawah. Harus digunakan dengan berhati-hati dan seperti yang dinasihatkan oleh doktor/ahli farmasi untuk kanak-kanak umur 2 hingga 6 tahun.

Sebelum mula menggunakan

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan Mucoprom Syrup jika anda:

- mempunyai asma
- warga emas yang lebih sensitif terhadap hipotensi ortostatik (tekanan darah rendah yang berlaku semasa anda berdiri daripada duduk atau baring), pening dan mengantuk dan sembelit.
- mempunyai masalah hati, buah pinggang atau jantung.
- mengalami pembesaran prostat dan/atau masalah pundi kencing.
- mempunyai glaukoma (tekanan di dalam mata meningkat).

- pernah mengalami masalah sel darah putih.
- mempunyai masalah gastrousus seperti ulser atau refluks gastroesofagus (asid perut mengganggu dinding saluran makanan)

Kehamilan dan penyusuan

Bayi yang baru lahir daripada ibu yang mengambil rawatan promethazine pada dos tinggi untuk jangka panjang, boleh mendapat penyakit gastrousus seperti perut kembung, kesukaran untuk memulakan penyusuan, degupan jantung laju, dan masalah sistem saraf. Ia harus digunakan dengan berhati-hati semasa trimester pertama. Selepas itu, ia hanya boleh diberi (preskripsi) jika diperlukan, pada trimester ketiga, ia hanya boleh diambil sekali-sekala.

Sejumlah kecil antihistamina dikumuhkan ke dalam susu ibu. Penggunaan ubat ini harus dielakkan semasa penyusuan.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang atau kebelakangan ini mengambil ubat lain, termasuk sebarang ubat tanpa preskripsi.

Promethazine hydrochloride boleh bertindak balas dengan:

- Alkohol: meningkatkan kesan sedatif
- Sultopride (antipsikotik): meningkatkan risiko untuk mendapat gangguan irama ventricular (*heart rhythm disorder*)
- Agen depresi system saraf pusat (cth: sedative, barbiturates, clonidine, hypnotics): meningkatkan depresi pusat

Ini bukanlah senarai lengkap interaksi ubat. Doktor dan ahli farmasi mempunyai maklumat lanjut mengenai ubat-ubatan yang perlu anda berhati-hati dengan atau elakkan semasa mengambil ubat ini.

Cara menggunakan Mucoprom Syrup

Berapa banyak harus digunakan

- **Dewasa**
15ml hingga 20ml setiap 6 hingga 8 jam.
(jangan melebihi 60ml dalam 24 jam)
- **Kanak-kanak 12 hingga 15 tahun:**
10ml hingga 15ml setiap 6 hingga 8 jam.
(jangan melebihi 45ml dalam 24 jam)
- **Kanak-kanak 6 hingga 12 tahun**
5ml hingga 10ml setiap 6 hingga 8 jam.
(jangan melebihi 30ml dalam 24 jam)

- **Kanak-kanak 2 hingga 5 tahun:**
5ml setiap 6 hingga 8 jam.
(jangan melebihi 20ml dalam 24 jam)

Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda. Oleh kerana kesan sedatif promethazine, ubat ini sebaik-baiknya diambil pada waktu petang.

Berapa lama perlu digunakan

Ambil ubat mengikut preskripsi doktor atau ahli farmasi. Rawatan simptomatik adalah untuk jangka masa pendek (beberapa hari). Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil ubat ini untuk tempoh masa yang lebih panjang.

Jika terlupa menggunakannya

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Simptom-simptom terlebih dos termasuk pergerakan otot tanpa kawal dan tidak teratur (terutama pada kanak-kanak dan bayi), masalah kesedaran atau koma.

Semasa menggunakan Mucoprom Syrup

Perkara yang perlu dilakukan

- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Mucoprom Syrup.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.
- Sentiasa cuci tangan sebelum mengambil ubat.
- Amalkan pengambilan ubat pada waktu yang sama setiap hari.
- Minum dan telan ubat secara perlahan.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda
- Jangan berkongsi Mucoprom Syrup dengan sesiapa, walaupun mereka

MUCOPROM SYRUP

Carbocisteine/Promethazine hydrochloride (100mg/2.5mg per 5ml)

mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Jangan ambil ubat ini tanpa preskripsi doktor atau ahli farmasi.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Ubat ini mungkin mempengaruhi kebolehan untuk memandu atau mengendalikan mesin. Jika ubat ini menyebabkan anda rasa mengantuk, jangan memandu atau mengendalikan mesin dan hubungi doktor anda secepat mungkin. Kesan mengantuk akan bertambah dengan pengambilan minuman beralkohol atau ubat yang mengandungi alkohol.

Kesan-kesan sampingan

- Gangguan gastrousus (sakit gastrik, loya, cirit-birit)
- Mengantuk, pening.
- Sembelit, mulut kering.
- Tekanan darah rendah.
- Ingatan merosot.
- Pergerakan bergetar.
- Gangguan mental
- Sukar tidur, agitasi, gemuruh.
- Ruam dan gatal kulit.
- Edema (pengekalakan cecair di dalam badan)
- Sensitif terhadap cahaya.
- Masalah darah.

Mucoprom Syrup boleh menyebabkan alahan yang teruk dan tindak balas kulit yang serius.

Berhenti menggunakan Mucoprom Syrup dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera jika anda mengalami sebarang gejala berikut:

- Alahan yang teruk: kesukaran bernafas, pening kepala, kulit bengkak atau ruam.
- Tindak balas kulit yang teruk: kulit kemerahan, lepuh, ruam, demam, sakit tekak atau iritasi mata.

Ini bukan senarai kesan-kesan sampingan yang lengkap. Dapatkan rawatan perubatan dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan atau masalah alahan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web nppra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Mucoprom Syrup

Penyimpanan

Simpan di tempat dingin di bawah 25°C.

Jauhi dari kanak-kanak.

Jangan ambil ubat ini selepas tarikh luput.

Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Sirap berwarna coklat dengan rasa vanilla coklat.

Bahan-bahan kandungan

Bahan-bahan aktif

Carbocisteine dan Promethazine

Hydrochloride.

Bahan-bahan tidak aktif

Vanilla flavour, Methyl Hydroxybenzoate, Propyl Htdroxybenzoate, Sodium Sulphite, Propylene Glycol, Liquid Caramel, Sodium Hydroxide, Veltol Plus, Sorbitol Solution 70%, Citric Acid Anhydrous, Saccharin Sodium, Chocolate flavour, Sodium Metabisulphite, Glycerin, Purified water.

Nombor MAL

MAL06071081AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Xepa-Soul Pattinson (Malaysia) Sdn Bhd
1-5 Cheng Industrial Estate,
75250 Melaka, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

06/04/2020

Nombor Siri

NPRA(R2/1)200403/415